

KELOLAAN: ROSHLAWATY RAEH roshlawaty@sinarharian.com.my

UniSZA cipta kejutan



AKTIVITI KAMPUS

PENYERTAAN UniSZA ke Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (Pecipta) 2015 terus membuahkan hasil yang membanggakan. Sebanyak empat pingat emas, satu pingat perak dan enam pingat gangsa diraih penyelidik UniSZA pada ekspo ini di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC).

Ekspo tiga hari - 4 hingga 6 Disember 2015 itu berjaya memartabatkan nama UniSZA apabila terpilih untuk menempatkan diri dalam kalangan universiti yang memperoleh pungutan pingat emas terbanyak. Kontinjen UniSZA ke Pecipta 2015 diketuai Prof Ir Dr Mohd Rizon Mohamed Juhari selaku Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (CRIM) UniSZA.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Pembangunan) UniSZA, Prof Dr Mohd Ekhwan Toriman berkata, usaha penyelidikan dan inovasi akan terus dipergiatkan bagi meningkatkan jumlah produk inovasi bermutu dan berpotensi untuk dikomersialkan bagi kesejahteraan dan kesenangan masa depan.

"Usaha ini dapat direalisasikan dengan pengenalan geran Pre-Comm yang dapat membantu penyelidik

mengkomersialkan produk inovasi mereka," katanya.

Naib Canselor UniSZA, Profesor Datuk Dr Yahaya Ibrahim pula berkata, program seumpama ini amat penting kerana ia membuka peluang kepada penyelidik untuk berkolaborasi dan bertukar idea bagi penyelidikan dan inovasi yang akan dilaksanakan nanti.

Sementara itu, pemenang pingat emas UniSZA adalah Dr Abd Jamil Zakaria dari Agropolis yang mempertaruhkan produk *Superb Growing Media for Plant Propagation and Containerized Planting* iaitu bahan alternatif bagi penanaman pokok dan tumbuhan. Seterusnya, Mohd Hosni Rifin dari Fakulti Rekabentuk Inovatif dan Teknologi yang mempertandingkan produk *Protorch*, beg galas dengan ciri-ciri tambahan keselamatan.

Turut memenangi emas ialah Azwa Abdul Aziz dari Fakulti Informatik & Komputeran yang mengetengahkan produk *MyNest 2.0*, perisian komputer yang dapat memantau dan memberi amaran kepada pengguna terhadap sebarang kecemasan di sesebuah taman perumahan dan Dr Ho Lee Hoon dari Fakulti Biosumber dan Industri Makanan menerusi produk *MacroLYTE*, snek makanan yang memberikan tenaga tambahan kepada pengguna.



UniSZA merangkul banyak anugerah pada penyertaan mereka di Pecipta 2015.